

12 AUG 2000

Kart-Enduro

MORAC UK CEMERLANG PADA PERLUMBAAN KELAYAKAN

LANGKAWI, 12 Ogos (Bernama) -- Morac UK dari Malaysia beraksi cemerlang untuk menduduki tempat pertama pada perlumbaan kelayakan pada Kejohanan Kart Indy 40 Enduro cabaran Langkawi 2000 bagi merebut piala Perdana Menteri di Litar Kart Morac Antarabangsa di sini hari ini.

Pasukan itu dianggotai pelumba yang sedang mengambil bahagian pada Formula Ford di England dengan diketuai juara Asean Kart Prix Langkawi 2000 Mohd Fairuz Fauzy, 18.

Pasukan itu turut disertai pelumba handalan Indonesia Michael Ali.

Sajibumi Young Guns dari Malaysia, yang dianggotai Nik Irwan Nik Izani, Victor Chong dan Aaron Lim, menduduki tempat kedua manakala juara bertahan FCS dari Jepun sekadar mampu menduduki tempat kelapan.

Perlumbaan sebenar akan berlangsung esok dan dijadual dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kejohanan kali ini yang akan turut menyaksikan empat pelumba dari Formula Ford dari England disertai 22 pasukan termasuk dari Itali, Jepun, Singapura, China mengesahkan mengambil bahagian.

Sementara itu, Raja Razman Raja Idris mendahului pelumba-pelumba lain pada saringan satu dan dua pada Kejohanan Kart Prix Formula Rotax 125 yang turut diadakan sempena perlumbaan itu di sini.

Langkawi merupakan siri kedua dari empat sirkit yang dipertandingkan untuk pelumba-pelumba dalam negara sahaja.

Kejohanan itu adalah untuk mencungkil bakat-bakat serta sebagai asas pemilihan pelumba mewakili Malaysia pada Kejohanan Dunia di Puerto Rico yang dijadual akhir tahun ini.

-- BERNAMA

ZI NH AKD